

Ramai kanak-kanak Palestin trauma

LEBIH 200 kanak-kanak, kebanyakannya berusia 10 hingga 12 tahun yang mengalami trauma teruk akibat peperangan, termasuk kehilangan ibu bapa, adik beradik dan saudara mara, diberikan rawatan psikologi dan pemulihan menerusi sesi anjuran Pusat Psichososial Al-Amal, dekat Khan Younis, di sini.

Pengarah Pentadbiran Al-Amal, Jihad Abu Hatab, berkata kanak-kanak itu dari sekitar Khan Younis dipilih memandangkan pada usia berkenaan, mereka mula memahami erti kehidupan dan perlu dipulihkan selepas menempuh pengalaman menakutkan serta menyayat hati pada usia terlalu muda.

“Ketika mula datang ke sini, kanak-kanak ini dalam keadaan trauma dan terlalu pendiam, tetapi selepas beberapa sesi pemulihan yang merangkumi aktiviti berkumpulan, sukan dan diberikan bimbingan psikologi, mereka sudah banyak berubah dan mula ketawa,” katanya.

Beliau ditemui selepas menerima kunjungan rombongan misi kemanusiaan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) ke Gaza, di pusat berkenaan. Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Publisiti PBSM Malaysia, Datuk Ahmad A Talib dan Pengurus Pengurusan Bencana, Nasir Khan Abdul Rahman.

Jihad berkata, pihaknya mengadakan program pemulihan selepas



KANAK-KANAK Palestin melukis ketika cuti sekolah selama tiga bulan di pusat perkembangan pelajaran yang juga ibu pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah Palestin cawangan Khan Younis.

Gaza teruk dibedil rejim Zionis 18 bulan lalu dan sehingga kini sudah beberapa kali program seumpama itu diadakan membabitkan penyertaan kumpulan kanak-kanak yang berbeza.

“Pada setiap program, 15 kanak-kanak berusia 10 hingga 12 tahun menjalani pemulihan menerusi 20 sesi yang sudah diatur dengan setiap sesi mengambil masa 20 jam.

“Selain itu, kanak-kanak yang mengalami kecacatan serta kehilangan anggota badan dibawa ke sini untuk

aktiviti tertentu seperti melukis. Mereka begitu kreatif dan sebahagiannya mampu menghasilkan lukisan yang menggambarkan kekejaman tentera Israel,” katanya.

Beliau berkata, 300 kanak-kanak, termasuk di kalangan pelarian dari seluruh Palestin turut menyertai kelas tadika walaupun terpaksa beroperasi dalam keadaan serba kekurangan dan hanya bergantung kepada dana yang disumbangkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari seluruh dunia.